

Cungkil bakat anak istimewa

PDK Rumah Sayangku bukan sekadar pusat pembelajaran tapi platform untuk asuh bakat, bina keyakinan



Wan Kalsom bersama sebahagian guru-guru Rumah Sayangku PDK Teluk Panglima Garang menunjukkan isyarat bagus.

KUALA LANGAT - PEMULIHAN Dalam Komuniti (PDK) Rumah Sayangku, Telok Panglima Garang bukan sahaja menjadi pusat pembelajaran untuk anak-anak istimewa, namun berjaya melahirkan penari-penari yang berkebolehan.

Walaupun mereka bukanlah kumpulan penari yang terkenal, namun penuhan sebuah kumpulan tarian yang diberi nama Sayangku setahun lalu itu mendapat tempat dalam hati juri apabila bakal mewakili Selangor di peringkat kebangsaan selepas memenangi tempat ketiga sempena Talentime Peringkat Daerah di Shah Alam baru-baru ini.

Kumpulan Sayangku yang mempunyai alih seramai lapan orang berumur antara 16 hingga 29 tahun itu, berhasrat dapat membuat persembahan di mana-mana program atau pertunjukan bagi memberitahu kepada umum mereka antara pelatih yang berbakat.

Penyelianya, Umi Kalsom Saonel, 58, berkata, pihaknya tidak menyangka terdapat pelatih-pelatihnya memiliki bakat terpendam.

"Masa nak ajar pelatih-pelatih ni, saya dan guru-guru di sini terpaksa melayari internet, cari idea macam mana nak ajar mereka. Pendek kata, saya sebagai penyelia pun turut ajar guru-guru tarian ringkas sebelum guru-guru ajar pelatih."

"Saya tak sangkalah, tarian yang dirancang secara suka-suka itu jadi



Pelatih-pelatih turut diberi pendekongan belajar agama dalam Kelas Quran yang disediakan oleh PDK Rumah Sayangku.

tumpuan serta dapat mencuit hati juri... Kami bukan saja menang malah dapat mewakili ke peringkat kebangsaan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Umi Kalsom berkata, beliau ber cita-cita untuk menjadikan pasukan tarian pelatih-pelatihnya sebagai satu kumpulan yang sentiasa menjadi sebutan dalam masyarakat terutama dalam mana-mana program dan persembahan pada satu majlis konvokesyen dan program komuniti setempat.

Menurutnya, beliau hendak melihat pelatih-pelatihnya berani menunjukkan bakat di khalayak ramai, sekaligus bersedes menerima pelawaan mana-mana pihak untuk membuat persembahan.

"Memanglah mereka tak sehebat penari yang ada, namun bila kita ketengahkan bakat mereka, sekurang-kurangnya mereka lebih berani untuk berdepan dengan

masyarakat.

"Ini tak, ada antara anak-anak istimewa ini segan berada di khalayak ramai kerana tak ada sokongan masyarakat tapi saya yakin anak-anak PDK saya mampu beri persembahan yang mencuit hati lebih-lebih lagi bila masyarakat terus bekerjasama," katanya yang pernah membawa kumpulan tarian Sayangku membuat persembahan pada satu majlis konvokesyen dan program komuniti setempat.

Penglibatan ibu bapa, masyarakat penting

Selain itu, Umi Kalsom turut mengakui penglibatan ibu bapa dan masyarakat sangat diperlukan di mana dapat memberi satu aktiviti sihat terutamanya di kalangan para pelatih.

Katanya, pada hari ini, ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa ini tidak malu untuk menghantar anak-anak di pusat-pusat pendidikan.

"Saya bangga bila ibu bapa terlibat dalam aktiviti yang disediakan, sekaligus membantu guru-guru yang ada dalam melatih mereka menjadi lebih mahir dalam satu-satu aktiviti."

"Sebab itulah, pelbagai aktiviti termasuk kelas jahitan, kraf tangan, pertanian dilaksanakan semata-mata, membantu mereka mampu cemerlang di luar

menambah pendapatan selepas keluar dari pusat ini," katanya kepada pemberita di sini.

Mengulas mengenai bagaimana PDK melihat potensi diri kesemua pelatih-pelatih yang ada, Umi Kalsom memberitahu, setiap pelatih perlu dinilai dan dikategorikan mengikut keupayaan dan mempunyai guru-guru khas yang akan membimbang mereka.

kan mengikuti kelas seperti kelas fizikal (verbal pulsy, pra sekolah, hyper-active) dan kelas remaja.

Katanya, kesemua pelatih dinilai terlebih dahulu dan dikategorikan mengikut keupayaan dan mempunyai guru-guru khas yang akan membimbang mereka.

Pengalaman didik guru erti sabar

BERBEZA bagi seorang guru, Wan Zaiton Wan Mohamad, 46, berkata, pelbagai pengalaman yang di tempuh sejak menjadi guru di PDK sepanjang 23 tahun di situ mengajinya erti kesabaran.



Katanya, pelatih-pelatih itu dianggap seperti anak sendiri dan perihal setiap seorang itu difahami bagi mengelakkannya masalah timbul.

"Pernah juga berlaku, saya tak tahu ada seorang pelatih yang makan sejenis ubat, sehingga selepas dia terlepas dalam satu insiden, saya gagal beritahu doktor ubat apa yang perlu diberikan. Saya terpaksa hubungi ibu pelatih berkenaan."

"Sejak itulah saya fikir, perkara begini saya kena serius dan ambil tahu... Anak-anak ini adalah anak syurga di mana mereka perlu dapat perhatian yang lebih," katanya.

Ibu kepada lima anak itu berkata, sepanjang 23 tahun bekerja di tempat yang sama, beliau bangga melihat kebolehan pelatih-pelatihnya tambah lagi sebahagian daripada mereka mampu cemerlang di luar

dengan meneruskan aktiviti di PDK untuk menambah pendapatan.

Katanya, walaupun mereka mendapat sokongan ibu bapa, tapi selepas keluar dari PDK mereka sebenarnya berusaha untuk majukan diri.

Rakannya, Hana Ilyani Mohamad Yatin, 31, berkata, walaupun baru tujuh tahun menjadi guru di PDK berkenaan, beliau merasakan terlalu mesra dengan para pelatih.

Katanya, hubungannya dengan pelatih kadang kala seperti kawan, sehingga kadang-kadang boleh bergurau senda.

Namun, sebagai seorang guru, perlu tanam sifat tanggungjawab dan tidak mudah berputus asa dalam mendidik mereka.

"Alhamdulillah, kami lega dan bangga sebab dapat lihat mereka punya kebolehan dan bakat tersendiri di mana adanya boleh menari, mengaji, berkebun dan sebagainya."

"Ia lebih terserlah apabila kami ajar mereka buat kraftangan umpamanya, mereka sangat berminat dan bersungguh-sungguh untuk belajar," katanya.



Pasukan tarian Sayangku yang kini menjadi perhatian umum.